

Sungai Petani dilanda banjir kilat

Oleh : Nur Aini Nadhirah bt Hod (1180282)

SUNGAI PETANI – Beberapa kawasan di Sungai Petani, Kedah dilanda banjir kilat setelah hujan lebat beberapa jam tanpa henti pada hari Sabtu, 28 November lalu.

Antara kawasan yang terjejas ialah Taman Ria, berhadapan Hospital Sultan Abdul Halim, Taman Songket, Kampung Raja serta beberapa kawasan yang lain.



Sekitar kawasan Taman Ria yang dinaiki air akibat dari banjir kilat

Menurut seorang pengguna jalan raya yang ingin dikenali sebagai Lah berkata, ketika dia di dalam perjalanan ke Taman Ria Jaya kira-kiranya jam 5 petang bersama ahli keluarganya mendapati bahawa paras air tiba-tiba naik hingga ke paras tayar kereta.

“Kemudian saya berpusing dari Petronas Taman Ria ke Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Ria Jaya, saya dapati bahawa paras air juga naik hingga paras tengah tayar kereta,” katanya ketika ditemui di rumahnya.

Akibat dari banjir kilat yang melanda, kereta yang dinaikinya mengalami sedikit kerosakan termasuk nombor plat hadapan kereta tercabut dipercayai ketika meredah air banjir.



Kawasan *parking* motor di hadapan Amanjaya Mall yang ditengelami air - SUMBER

Beberapa jalan utama bagi kawasan-kawasan yang terjejas ditutup bagi mengelakkan orang ramai melalui kawasan-kawasan tersebut.

Mangsa-mangsa yang terjejas akibat banjir juga telah ditempatkan di beberapa pusat pemindahan banjir antaranya Masjid al-Abrar Taman Peruda, Surau Kampung Haji Wahab dan Dewan Masjid al-Huda.

ADUN Sidam, YB Dr Robert Ling Kui Ee turut meluangkan masa bersama beberapa pengawai melawat beberapa kawasan yang terjejas antaranya kawasan pinggir Taman Kenari dan Pusat Pemindahan Banjir di Masjid Taman Peruda.